

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK MOHD. AZIS BIN JAMMAN
[SEPANGGAR]**

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2021 [RABU]

SOALAN

minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan jumlah terkini rumah yang tidak terjual di seluruh Malaysia dan apakah mekanisme Kementerian bagi mengawal pemaju daripada membina projek perumahan yang tidak bertepatan dengan kehendak dan kemampuan rakyat secara berterusan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) memandang serius isu rumah tidak terjual. Isu ini berpunca daripada penawaran perumahan yang tidak sepadan dengan permintaan di sesuatu lokaliti, harga rumah yang tidak sepadan dengan pendapatan isi rumah, lokasi yang kurang menarik dan lain-lain lagi. Lambakan rumah tidak terjual ini akan menyebabkan berlaku kelembapan pasaran harta tanah yang memberi impak kepada ekosistem pemajuan perumahan serta menjaskas rantaian ekonomi secara keseluruhan. Pada masa yang sama, transaksi pembelian rumah sedia ada secara *subsale* juga menyumbang kepada peningkatan rumah baharu yang tidak terjual.
2. Berdasarkan laporan Status Pasaran Harta Tanah oleh Pusat Maklumat Harta Tanah Negara (NAPIC), terdapat **27,468 unit** rumah siap dibina tidak terjual bernilai **RM18.48 bilion** dicatatkan pada suku pertama 2021 berbanding sebanyak **29,565 unit** rumah pada suku keempat tahun 2020 yang bernilai **RM18.91 bilion**. Ini menunjukkan terdapat penurunan sebanyak 7.1% dalam bilangan (S4 2020: 29,565 unit) dan 2.3% dalam nilai berbanding suku keempat tahun 2020 (S4 2020: RM18.92 bilion).
3. Walaupun terdapat peningkatan aktiviti pasaran, antaranya melalui Kempen Pemilikan Rumah (*Home Ownership Campaign*), pasaran harta tanah dijangka masih akan kekal perlahan sehingga akhir tahun 2021. Tahap peningkatan pasaran harta tanah ini bergantung kepada faktor domestik dan luaran seperti kenaikan harga bahan binaan, ketidaksepadanan penawaran dan permintaan (*supply and demand mismatch*), harga tanah yang melambung tinggi serta perkembangan pandemik COVID-19.

4. KPKT sedang menjalankan Kajian Analisis Data Raya (*Big Data Analytics*) Perumahan bagi mendapatkan gambaran sebenar kedudukan dan ketersediaan data berkaitan sektor perumahan di Malaysia di samping menetapkan keperluan pengguna (*user requirements*) sebelum pembangunan sistem yang berkenaan. Kajian ini juga bertujuan membantu ke arah mengatasi harta tanah siap yang tidak terjual dan seterusnya berupaya untuk mengetahui kedudukan pasaran perumahan harta tanah yang lebih jelas dan tepat demi pembangunan sektor harta tanah yang lestari dan efisien. Kajian ini turut dijadikan input bagi pembangunan platform pusat pengumpulan data harta tanah yang meliputi permintaan dan penawaran. Ia juga akan membantu pihak Kerajaan dalam membuat keputusan di peringkat Persekutuan dan Kerajaan Negeri dalam penyediaan dasar dan perancangan perumahan negara yang lebih komprehensif.
5. Kerajaan juga sedang mengkaji kemungkinan untuk memperkenalkan peraturan/garis panduan kepada para pemaju perumahan untuk mengemukakan kajian kebolehlaksanaan (*feasibility study*) semasa memohon Kebenaran Merancang (KM). Ini dapat membantu mengelak daripada berlakunya sebarang pembangunan perumahan yang tidak terancang dan akhirnya menyebabkan berlakunya masalah lebihan rumah yang tidak terjual.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN SYED SADDIQ B. SYED ABDUL RAHMAN (MUAR)

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN SYED SADDIQ BIN SYED ABDUL RAHMAN [MUAR] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah dan status terkini semua siasatan terhadap semua ahli politik yang didakwa telah melanggar SOP sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan dikenakan di seluruh negara. Antaranya dakwaan ahli politik di majlis makan beramai-ramai, makan dine-in di dalam premis kedai makan dan tidak memakai pelitup muka di tempat awam.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), mulai 18 Mac 2020 sehingga 25 Ogos 2021, seramai 56 orang ahli politik telah ditahan bersabit kesalahan berhubung pelanggaran *Standard Operating Procedure* (SOP). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 22 kompaun telah dikeluarkan manakala 25 masih dalam tindakan siasatan, lapan (8) kes tiada tindakan lanjut (No Further Action – NFA) dan satu (1) kes telah dituduh di mahkamah.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : YB TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 22 SEPTEMBER 2021 (RABU)

SOALAN

TUAN TAN KOK WAI [CHERAS] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan kadar kematian yang melibatkan kejadian memandu di bawah pengaruh alkohol dan dadah berbanding dengan kadar kematian akibat kategori kemalangan yang lain untuk tempoh lima (5) tahun yang lepas.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk tempoh antara tahun 2017 hingga 2021 (Januari hingga Julai), kadar **kematian** yang melibatkan kejadian memandu di bawah **pengaruh alkohol** dan **dadah** yang disiasat di bawah seksyen 44 Akta Pengangkutan Jalan 1987 adalah sebanyak **66 kes** berbanding dengan kadar kematian akibat kategori kemalangan yang lain, iaitu sebanyak **25,862 kes**.

Statistik perbandingan kemalangan jalan raya bermula tahun 2017 hingga tahun 2021 (Januari hingga Julai) yang melibatkan memandu/menunggang di bawah pengaruh alkohol dan dadah adalah seperti di **Jadual 1** berikut:

Jadual 1

TAHUN	BIL. KES KEMATIAN (SEKSYEN 41 APJ 1987)	BIL. KES KEMATIAN AKIBAT PEMANDUAN DI BAWAH PENGARUH ALKOHOL DAN DADAH (SEKSYEN 44 APJ 1987)
2017	6,381	7
2018	6,171	11
2019	6,098	9
2020	4,652	28
2021 (JAN – JULAI)	2,560	11
JUMLAH	25,862	66